



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

1,465 PESERTA BAKAL BERENTAP PADA KEJOHANAN 19TH FIRA MALAYSIA CUP 2026

Kota Bharu, 7 Jun 2026 – Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menganjurkan Kejohanan FIRA Malaysia Cup 2026 di mana Politeknik Kota Bharu (PKB) telah dipilih sebagai tuan rumah dan penganjur bersama bagi penganjuran tahun ini. Majlis perasmian pembukaan kejohanan telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Ulaimi bin Yahya, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) JPPKK, di sini, hari ini.

Kejohanan yang telah memasuki edisi ke-19 bagi tahun ini telah bermula hari ini sehingga 11 Jun 2026 nanti dan bakal menghimpunkan seramai 1,465 penyertaan keseluruhan yang terdiri daripada pelajar politeknik dan kolej komuniti (POLYCC), sekolah, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dari dalam dan luar negara serta agensi berkaitan menerusi sembilan (9) kategori yang dipertandingkan iaitu HuroCup, Sumo Warrior, Robosot, AiBot, Simurosot, Air Drone, Business & Innovation, FIRA Autonomous Car dan MyBot.

Dengan tema *Robotics Igniting Future Solutions*, kejohanan ini bertujuan untuk menyediakan platform kepada pelajar, penyelidik, pensyarah dan penggiat industri robotik untuk mempamerkan inovasi, kreativiti dan kemahiran teknikal dalam pelbagai kategori pertandingan robotik.

Melalui kejohanan ini juga, peserta berpeluang mengembangkan kemahiran dalam bidang seperti robotik, automasi, pengaturcaraan, kecerdasan buatan dan mekatronik sejajar dengan perkembangan teknologi global masa kini.

Selain itu, kejohanan ini turut memberi peluang lebih jauh kepada para pelajar POLYCC khususnya kepada mereka yang berjaya dinobatkan sebagai pemenang untuk meneruskan perjuangan di peringkat antarabangsa melalui penganjuran FIRA

RoboWorld Cup and Summit 2026 yang bakal diadakan pada 17 hingga 21 Julai 2026 di Merham, Toronto, Kanada.

Untuk rekod, Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan bagi Kejohanan FIRA Malaysia Cup untuk edisi sebelum ini yang berlangsung di Politeknik Merlimau Melaka pada Jun tahun lalu.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
7 Jun 2026**

LAMPIRAN BERGAMBAR

